

Wanita 104 Tahun Tidak Mahu Lepaskan Kewajipan Mengundi Pada PRU-13
Bernama
5 September, 2012

DUNGUN, 5 Sept (Bernama) -- "Jika dipanjangkan umur dan dipelihara kesihatan, nenek akan terus mengundi," itulah tekad yang diluahkan seorang pengundi warga emas, Halimah Muda yang berasal dari Kampung Paya Balai Besar, di sini.

Faktor usianya yang kini mencecah 104 tahun menjadi perhatian umum dan beliau bangga kerana menjadi pengundi paling tua di kawasan Parlimen Dungun.

Malah lebih menarik, Halimah yang mempunyai 12 anak dan lebih 30 cucu dan cicit mendakwa tidak pernah ketinggalan untuk mengundi pada setiap kali pilihan raya umum sejak negara mencapai kemerdekaan 55 tahun lepas.

Beliau menegaskan sebagai seorang rakyat, keluar mengundi adalah satu kewajipan kepada negara yang mengamalkan demokrasi untuk memilih kerajaan memerintah.

Halimah yang menjadi pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau Abang bagaimanapun perlu diiring ke pusat mengundi berikutan faktor usia.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=692166>